

# Karnival Keselamatan Kolej Kediaman 4 bantu mahasiswa UMP dalam aspek keselamatan

Oleh : MOHD NAJIB RAZALI



Pengurusan Kolej Kediaman (KK4) dan Perwakilan Kolej Kediaman (PEKA 4) dengan kerjasama Unit Badan Beruniform Universiti Malaysia Pahang (UMP) buat julung kalinya menganjurkan Karnival Keselamatan KK4 yang berlangsung di Astaka dan sekitar kawasan KK4 pada 23 Februari 2014 yang lalu.

Program bertujuan menyediakan pengetahuan dalam pelbagai aspek keselamatan warga universiti dan peranan Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA) dan badan beruniform untuk menjadi *role model* kepada mahasiswa UMP.

Selain itu, karnival ini juga menekankan tentang kepentingan keselamatan diri sendiri dan keadaan persekitaran yang bukan hanya dikawal tatkala dalam kawasan kampus, namun ianya dapat diaplikasikan selepas tamat pengajian khususnya yang bekerja dalam sektor perindustrian.

Majlis dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin. Turut hadir Pengetua Kolej Kediaman 4, Mohd

Najib Razali dan Pengarah Program Karnival Keselamatan anjuran PEKA 4 2014, Elyas Shah Marekan.

Prof. Dr. Yuserrie dalam ucapannya memuji penganjuran program dan menekankan pentingnya mahasiswa yang merupakan aset negara.

"Apabila negara kehilangan aset yang penting, maka negara akan mengalami kerugian yang besar. Mahasiswa juga akan berdepan dengan situasi yang sama apabila berada dalam dunia pekerjaan yang turut memberi perhatian terhadap aspek kesihatan.

Sekiranya isu keselamatan diabaikan dan menyebabkan berlakunya kemalangan, maka syarikat perlu menanggung kerugian. Oleh sebab itu, keselamatan adalah langkah pencegahan yang amat-amat penting," katanya yang berkesempatan melawat *booth* pameran keselamatan.

Sementara itu, Mohd Najib berkata, karnival mendapat kerjasama daripada pihak Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA) yang

membuka kaunter untuk program derma darah. Program mendapat sambutan apabila berjaya mengumpulkan sebanyak 150 beg darah hasil sumbangan mahasiswa kolej.

Katanya, aktiviti karnival selama dua hari turut dimeriahkan dengan program senamrobik dan slot ceramah menyelamatkan, melawan api dan pertolongan cemas. Malah, bersempena dengan karnival ini juga pihak kolej melancarkan penggunaan kad aktiviti mahasiswa KK4 yang akan merekod setiap aktiviti yang disertai mahasiswa.

Turut diadakan Ceramah Keselamatan Trafik dan Jenayah yang disampaikan ASP Abdul Samad dari Kor SUKSIS dengan memfokuskan tentang kesalahan trafik dan menasihatkan pentingnya penggunaan jejantas yang telah dibina sebagai kemudahan mahasiswa. Dalam program ini mahasiswa juga diberi pencerahan mengenai Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) dan Kesalahan Mahasiswa oleh Timbalan Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Mohd. Nazri Shamsudin.